



**SIARAN MEDIA
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**

**MAJLIS KONVOKESYEN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) JABATAN
SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA) TAHUN 2025**

MELAKA, 5 November 2025 - YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri telah menyempurnakan Majlis Konvokesyen Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Seramai 436 graduan dipersijilkan melibatkan tiga kategori sijil iaitu, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 - Pegawai RELA, National Competency Standard-Train the Trainer (NCS TTT) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 - Anggota Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Majlis konvokesyen pada tahun ini buat julung kalinya meraikan seramai 281 anggota RELA manakala baki terdiri daripada seramai 139 pegawai RELA dan 16 staf.

Majlis ini mengiktiraf pencapaian para graduan dalam bidang-bidang kemahiran strategik yang penting bagi sektor keselamatan dan pengurusan negara, selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Antara bidang kemahiran yang diraikan termasuk:

- i. Penyeliaan Perkhidmatan Sekuriti
- ii. Pentadbiran Pejabat
- iii. Kejurulatihan Taktikal Senjata Api dan Penyeliaan Penyelenggaraan Senjata Api
- iv. Operasi Perlindungan Rapat
- v. Operasi Kenderaan Profesional
- vi. NCS–Train The Trainer (Latihan Tenaga Pengajar)

Penganugerahan ini menunjukkan peranan RELA bukan hanya sebagai organisasi sukarelawan, tetapi juga berperanan dalam pembangunan modal insan berkualiti tinggi yang berupaya memenuhi keperluan dalam bidang keselamatan negara dan sektor swasta.

Pada majlis yang sama, turut disampaikan anugerah-anugerah berikut:

- i. Anugerah Jasa Bakti;
- ii. Anugerah Graduan Pencapaian – Pegawai (Terbaik Mengikut Bidang);
- iii. Anugerah Semangat RELA - Perantis (Terbaik Setiap Zon- Timur & Selatan);
- v. Anugerah Tokoh Graduan RELA - Pegawai; dan
- vi. Anugerah Emas RELA - Pegawai

Turut hadir dan meraikan, YBhg. Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Kawalan) Kementerian Dalam Negeri.

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

Kementerian Dalam Negeri
Putrajaya